



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

**'PERASMIAN *BETTER BRIGHTER* ANJUNG KASIH YKN
@ HOSPITAL SERDANG'**

SERDANG, 28 September 2018 – “*Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang merupakan Anjung Kasih yang pertama mendapat tajaan sepenuhnya daripada syarikat korporat iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB)”, kata YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara dalam Majlis Perasmian *Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang pada hari ini.

Anjung Kasih YKN ini merupakan kemudahan penginapan sementara kepada ahli-ahli keluarga yang mengiringi atau menemani pesakit di hospital-hospital kerajaan. *Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang akan menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada pesakit dan keluarga pesakit yang menghuni di Anjung Kasih ini.

Lapan (8) buah Anjung Kasih YKN telah beroperasi seawal tahun 2006 dan telah memberi manfaat kepada seramai 54,687 orang penghuni sehingga kini.

“Paling istimewa waris pesakit yang akan menggunakan kemudahan ‘*Better Brighter* Anjung Kasih @ Hospital Serdang’ pada masa ini tidak akan dikenakan sebarang bayaran. Ianya adalah percuma. Waris pesakit hanya perlu membayar deposit kunci sewaktu mendaftar masuk”, ujar YAB Dato' Seri Wan Azizah Dr. Wan Ismail.

Turut hadir YBhg. Tan Sri Leo Moggie, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Binti Lazemi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBhg. Dato' Haji Zulkipli Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara.

Disediakan oleh : Bahagian Penjanaan Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420

Tarikh dikeluarkan : 25 September 2018